


A N W A R I B R A H I M

PMIX

PERJUANGAN PERDANA

Leela Chakrabarty

Ilustrasi: Emiree Fazrin



.2595
EE

PenKidz
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI
PENERBITAN PERDANA

28/7/2024
FOC
Lib.

TAJUK: PMX PERJUANGAN PERDANA
Dicetak pada 2024

@Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dengan sebarang cara sekalipun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PMX PERJUANGAN PERDANA
ISBN 978-629-98582-0-1
Bacaan Umum

DITERBITKAN OLEH:
PEN INTERNATIONAL (M) SDN BHD
NO 9 BLOCK A3, JALAN PERSIARAN MEDINI 5,
PUSAT PERDAGANGAN ION MEDINI 3,
79250, ISKANDAR PUTERI, JOHOR
e-mail: info@penintl.com

Penulis: Leela Chakrabarty
Penyunting: Leela Chakrabarty
Ilustrator: Emiree Fazrin
Reka Letak: Emiree Fazrin
Pereka Sampul: Emiree Fazrin

Dicetak di Malaysia oleh:
Economy Express Printing & Graphics Sdn Bhd
Registration number: 199901026844 (501744-P)
No 6,8,10 & 12, Jalan Perdagangan 3, Taman Universiti Ind. Park,
Taman Universiti, 81300, Skudai, Johor.
e-mail: sales@economy.com.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-98582-0-1

923.2595



KISAH ZAMAN KANAK-KANAK

Di kaki Bukit Mertajam terdapat sebuah pekan kecil yang dikenali sebagai Cherok Tok Kun. Pemandangan di Cherok Tok Kun benar-benar menakjubkan. Dari jauh kita dapat melihat puncak bukitnya yang tinggi. Bukit ini dikelilingi hutan hijau yang luas.

Ketika mendaki bukit ini, kita akan disambut dengan kicauan merdu burung-burung dan suara serangga. Sungai-sungai kecil mengalir dengan air yang tenang. Udara di sini sejuk dan segar. Angin menghembus lembut seperti menyapa kita.

Tempat ini memang sempurna untuk bersantai sambil menikmati keindahan alam!



PUSTAKA PERDANA



1013603





Di pekan kecil Cherok Tok Kun ini kanak-kanak membesar dengan bermain. Mereka menerokai kehidupan dan bergembira bersama teman-teman sebaya. Pada suatu hari yang cerah, tanggal 10 haribulan Ogos 1947, lahirlah seorang bayi. Bayi tersebut diberi nama Anwar yang bermaksud 'bercahaya'.

Tanpa disedarinya, suatu hari nanti beliau akan menjadi tokoh terkenal di negaranya dan bekerja keras untuk membuat perubahan positif dalam kehidupan rakyat.

Namun, pada saat ini beliau amat menghargai kegembiraan sederhana masa kecil dan kenangan yang dicipta di desa yang indah, Cherok Tok Kun.



Pada zaman kanak-kanaknya, Anwar sering tinggal bersama neneknya. Rumah nenek berhampiran dengan dusun-dusun buah pala yang diusahakan oleh para petani di situ.

Pada suatu petang, ketika berumur sekitar tujuh atau lapan tahun, beliau keluar bermain bersama kawan-kawan. Ketika mereka merayau-rayau, mereka ternampak pepohon buah-buahan yang merimbun. Buah pala yang masak ranum menarik perhatian mereka.

Tanpa berfikir panjang, mereka mula memetik buah pala itu. Seronok betul!

Setiap seorang pulang dengan beberapa tangkai buah pala.




Ketika Anwar sampai di rumah, matahari hampir terbenam di ufuk barat. Senja pun mula menjelang.

Apabila neneknya bertanya dari mana datangnya buah itu; dia menjawab, "Dari kebun". Neneknya bertanya lagi, sama ada tuan kebun tahu mengenainya. Dijawabnya, "Tidak".

Mendengar jawapan itu, neneknya dengan tegas berkata, "Sekarang juga kamu perlu pulangnya. Mencuri tetap salah, tak kira dari siapa kita mencuri." Tanpa ragu, Anwar segera pergi ke kebun tersebut dan mengembalikan buah pala yang telah diambilnya.

Sehingga hari ini pengajaran "Jangan ambil hak orang" terukir dalam fikirannya! Pengalaman itu telah memupuk sifat menghormati hak milik orang lain dalam dirinya.

Anwar belajar bahawa kejujuran dan integriti adalah nilai-nilai penting dalam hidup. Menjaga hak orang lain adalah tindakan yang mulia dan patut kita lakukan.



ZAMAN PERSEKOLAHAN

Pendidikan awal Anwar bermula di Sekolah Kebangsaan Stowell Bukit Mertajam. Dia seorang kanak-kanak yang amat bijak dan kerap terpilih sebagai pelajar terbaik di dalam kelasnya! Dia suka mengambil tahu mengenai perkara-perkara baharu dan seringkali mengajukan soalan.



Sewaktu persekolahannya di SKStowell, Anwar merupakan seorang pelajar yang ramah dan mesra dengan rakan-rakannya yang terdiri dari pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Oleh kerana itu, dia sangat disenangi oleh semua guru-guru serta rakan-rakan sekolahnya.

Keperibadiannya yang sungguh berdisplin, berhemah tinggi, serta bermoral telah terpahat di sanubarinya.

Guru-gurunya sedar akan kelebihanannya dan tahu bahawa Anwar mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin.

Karisma ini didorong oleh kerajinannya mengaji Muqaddam setiap hari yang secara tidak langsung membentuk seorang pemimpin yang bersahsiah tinggi.



Ibu dan bapa Anwar sering dilihat dengan buku-buku di tangan mereka. Mereka memperkenalkan kecintaan kepada ilmu dan pengetahuan kepada Anwar sejak dia masih kecil. Di rumah, rak buku penuh dengan karya-karya ulama besar seperti Hamka, serta karya falsafah seperti Confucius.

Anwar mengagumi ilmu pengetahuan dan para ilmuwan. Tanpa mengenal penat lelah, dia terus berusaha untuk memperbaiki dirinya agar menjadi yang terbaik.

Oleh kerana Anwar seorang murid yang cemerlang, dia mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Pada peringkat awal, kemasukan ke MCKK dikhaskan kepada anak-anak raja Melayu dan anak-anak orang bangsawan. Namun, kemudiannya, syarat kemasukan dilonggarkan kepada anak-anak orang biasa yang mendapat keputusan cemerlang dalam bidang akademik.



Mencontohi dan menerapkan nilai membaca yang telah dicerminkan oleh ibu dan bapanya, Anwar juga gemar membaca buku-buku hasil nukilan para sasterawan terkenal dunia.

Penceritaan hebat sasterawan-sasterawan ini benar-benar mencetuskan rasa cintanya terhadap bahasa dan penulisan. Dia boleh membaca berjam-jam lamanya.



Pada suatu hari, dia membaca sambil berjalan. Dia begitu khusyuk ketika membaca. Dia terus berjalan hingga ke hujung padang di mana rakan-rakannya sedang bermain. Walaupun rakan-rakannya sedang bermain dengan penuh keriang, dia selesa membaca di hujung padang itu. Begitu dalam cintanya terhadap ilmu!

Hidupnya berlaku pada masa negara sedang merdeka dan semangat nasionalisme sedang berkobar. Nasionalisme bermaksud mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap negara. Secara kebetulan, masa dia sedang belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar itu adalah era Darurat dan pembentukan Malaysia. Maka, pengalaman hidup ketika zaman remajanya agak unik.

Ibu bapa Anwar bukan hanya pencinta buku yang gigih, tetapi juga berdedikasi dalam dunia politik. Keberanian dan komitmen mereka dalam politik telah memberikan contoh positif kepada Anwar, memupuk semangatnya untuk berkhidmat kepada masyarakat.


Ketika di MCKK, Anwar memimpin Badan Revolusi Ugama (BRU). Seterusnya, dia dan rakan-rakannya menganjurkan kelas-kelas tambahan untuk pelajar-pelajar miskin. Oleh kerana dia fasih berbahasa Inggeris, dia mengajar Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar sekolah pondok.

Dalam perjalanan hidupnya, Anwar belajar untuk memahami pentingnya keadilan, membantu orang lain, dan memperjuangkan hak-hak mereka.

Ciri-ciri ini telah diterapkan dengan pendedahan di alam dunia politik oleh ibu kesayangannya, dimana ibunya sering membawa Anwar menghadiri program-program berteraskan politik.

Anwar telah memiliki sifat kepemimpinan yang diwariskan oleh keluarga dan masyarakatnya, yang juga telah menanamkan padanya nilai-nilai yang benar.

Dia adalah seorang patriot yang memiliki tekad kuat untuk memastikan bahawa rakyat dapat merasakan manfaat dari kemerdekaan negaranya.





3

ZAMAN DEWASA

Selepas tamat persekolahan, Anwar melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Ciri-ciri kepimpinan yang tinggi terserlah dalam dirinya. Lalu, pada tahun 1968, beliau dilantik menjadi ketua pergerakan pelajar dan belia serta presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya. Seterusnya, pada tahun 1971, dia mengasaskan Pergerakan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Pada masa yang sama, Anwar memegang jawatan Presiden Majlis Belia Malaysia. Dia memimpin para mahasiswa ke kampung-kampung terpencil. Mereka menjadi anak-anak angkat dan tinggal bersama-sama penduduk kampung.

Para mahasiswa mendekati penduduk kampung untuk meningkatkan kesedaran dan membawa perubahan terutamanya dalam bidang pendidikan anak-anak.



Pilihan episod-episod dalam perjalanan hidup PM-X Malaysia yang merangkumi kisah zaman kanak-kanak, persekolahan dan dewasa boleh dihayati oleh semua peringkat umur dari kanak-kanak hingga dewasa.

Penceritaan yang sesuai untuk dibaca sendirian, bersama rakan atau ahli keluarga akan membawa anda ke dunia Anwar Ibrahim yang cekal menempuh segala cabaran tanpa berputus asa.



ISBN 978-629-98582-0-1



9 786299 858201

ABDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATSIAN
KEPIMPINAN
PEGAWAI